

Newspaper : Harian Metro

Section : Bisnes

Date : 12 November 2014

Page : 40

Title : Langgar perjanjian

Oleh Hafiz Ithnin dan
Aizat Sharif
Bisnes@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Langgar perjanjian

■ Kementerian tarik balik tiga tanah kerajaan daripada pemaju kerana salah laku

Kementerian Wilayah Persekutuan menegaskan kepada pemaju hartanah untuk lebih bertanggungjawab dalam membangunkan tanah milik kerajaan terutama membabitkan projek kediaman mampu milik atau kos rendah.

Ini berikutan terdapat tiga pemaju yang membangunkan projek di Wangsa Maju, Cheras dan Jinjang telah ditarik balik tanah oleh kementerian berkenaan berikutan salah laku penjualan semula atau melanggar perjanjian awal yang dibuat dengan pihak berkuasa.

Menterinya Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, setiap hari pihaknya akan meneliti pemohonan yang dibuat oleh pemaju dan memantau tindakan mereka selepas menerima hak pembangunan tanah.

Beliau berkata, kementriannya akan memperketatkan syarat pembangunan kediaman yang lebih memfokuskan kepada segmen perumahan mampu milik dan kos rendah.

"Kita perlukan pemaju



FAKTA
Kementerian akan memperketatkan syarat pembangunan kediaman

TENGGU Adnan (dua dari kanan) bersama Pengarah Urusan MRCB, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din (dua dari kiri) melihat replika model jejantas sambungan ke Lebuhraya Baru Pantai (NPE) pada Projek 9 Seputeh ketika Majlis Pecah Tanah Pembinaan Jejantas Sambungan Ke Lebuhraya Baru Pantai (NPE).

yang bertanggungjawab dalam membangunkan tanah milik kerajaan kerana ia boleh membabitkan kepen-

ngan rakyat.

"Ketika ini, kerajaan dalam usaha membangunkan rumah mampu milik agar se-

mula golongan dapat menikmati pembangunan negara," katanya pada majlis pecah tanah pembinaan jejantas

oleh MRCB, semalam.

Projek berkenaan yang menelan kos RM115 juta dijangka siap dalam tempoh 24 bulan yang mana ia akan menghubungkan Jalan Klang Lama ke Lebuhraya Pantai Baru (NPE).

Jejantas itu dibangunkan berikutan pembangunan projek bercampur, 9 Seputeh yang dilaksanakan oleh MRCB meliputi kediaman dan bangunan komersial.

Mansor berkata, pembinaan jejantas itu akan memberi kesan pengurangan kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Persekutuan, NPE dan Jalan Klang Lama.

"Malah ia akan memendekkan masa perjalanan ke Bangsar, Sunway dan Subang dari Seputih serta menjadi jalan alternatif di waktu puncak kepada pengguna jalan raya.

"Pembinaan ini memberi nafas baru kepada persekitaran Jalan Klang Lama memandangkan ia sebuah pembangunan strategik yang dilengkapi kemudahan berasaskan teknologi hijau dan bakal memberi kualiti hidup seimbang," katanya.